

13/08/2000

Peluang tiga calon cerah (HL)

Kadir Dikoh; Minarni Mat Saad

KUALA LUMPUR: Tiga daripada 11 nama yang disenaraikan sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baru, mempunyai peluang lebih cerah kerana dikatakan memiliki keperibadian bersih dan tidak ada skandal.

Mereka ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad dan dua ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri (Exco), Datuk Mohd Sharif Jajang dan Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan.

Sumber tertinggi Umno Selangor memberitahu, selain dikatakan bersih daripada sebarang skandal, mereka adalah pemimpin dinamik, berwawasan tinggi serta sentiasa muncul dengan pelbagai pendekatan dan idea bernas dalam melaksanakan tugas mengikut portfolio masing-masing.

Sumber berkata, mereka yang bebas daripada sebarang skandal kini menjadi kriteria utama untuk menduduki kerusi 'panas' Menteri Besar Selangor yang baru.

Langkah itu bagi 'mematikan fobia' politik Selangor sehingga memaksa beberapa Menteri Besarnya sebelum ini meletakkan jawatan dalam keadaan kontroversi, termasuk yang terbaru membabitkan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Untuk mengelak 'pisang terus berbuah dua kali', kata sumber itu lagi, tokoh yang bakal menerajui Selangor bukan saja kelihatan bersih, malah keperibadiannya benar-benar bersih daripada sebarang kemungkinan unsur-unsur negatif.

Dr Zainal Abidin, 61, dikatakan calon yang paling layak kerana beliau bukan saja memegang jawatan nombor dua dalam kerajaan negeri, malah mempunyai rekod peribadi yang bersih serta perkhidmatannya cemerlang.

Beliau juga mempunyai latar belakang pendidikan yang terbaik antara semua calon kerana mempunyai Ijazah Kedoktoran dalam bidang pendidikan serta dikatakan tidak mempunyai masalah dengan kepemimpinan kerajaan negeri dan memiliki rekod bersih pada peringkat bahagian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka mengumumkan nama calon itu minggu depan untuk menggantikan Abu Hassan yang meletak jawatan berkuatkuasa Jumaat lalu.

Badan Perhubungan Umno Selangor kelmarin menyerahkan senarai 11 nama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), termasuk sepuluh yang menjadi Ketua Bahagian sebagai calon Menteri Besar, kepada Dr Mahathir.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, ketika dihubungi petang semalam tidak menafikan kriteria 'keperibadian bersih' turut dimasukkan sebagai kriteria untuk menjadi calon jawatan itu.

"Kita sudah serah 11 nama, terpulang kepada Perdana Menteri untuk memilihnya nanti," kata beliau yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor.

Meskipun nama Muhammad tidak termasuk dalam senarai itu dan dikatakan bagi mengelak diadakan sebarang pilihan raya kecil, namanya juga terus menjadi perbualan penduduk Selangor.

Muhammad bagaimanapun tetap bertegas menyatakan beliau tidak termasuk di dalam senarai calon Menteri Besar kerana tidak menjadi Adun.

"Saya nak bagi peluang kepada orang lain. Kita pilihlah di kalangan Adun yang ada. Namun, kita serah kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad," katanya dan menambah semua 11 nama yang disenaraikan itu adalah layak memegang jawatan Menteri Besar.

Ditanya sama ada Perhubungan Umno Selangor menetapkan hanya mereka yang memegang jawatan Ketua Bahagian boleh dipilih, Muhammad berkata: "Itu memang ada dibincang, jika tidak, kita kena hantar 48 (Adun) nama".

Satu sumber lain pula berkata, Muhammad berkemungkinan diberi semula jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor meskipun kemungkinan beliau bukan memegang jawatan Menteri Besar, seperti mana berlaku di Pahang apabila Tan Sri Khalil Yaakob dilantik semula sebagai pengerusi Umno negeri dan Menteri Besarnya, Datuk Seri Adnan Yaakub, selaku timbalan.

Muhammad, ternyata masih lagi mendapat sokongan penuh daripada kepimpinan Umno negeri untuk kembali sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri selepas lebih tiga tahun meninggalkan kerusi itu.

(END)